

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

Al-Qur'ān

Makna Ayat Di Muka Kulit:

Dan tiadalah lenyap dari penjagaan Tuhan engkau walau sebesar biji sawi apa yang ada pada bumi dan tiada pula yang ada di atas langit dan tiada yang lebih kecil daripada yang demikian itu dan tiada pula lebih besar melainkan adalah semuanya termaktub di dalam kitab yang nyata (al-Qur'ān). Ketahuilah sesungguhnya wali-wali Allah itu tiada mereka takut dan tiada pula mereka berdukacita, iaitulah orang-orang yang beriman dan mereka takut kepada Allah. Mereka menerima khabar kesukaan waktu hidup di dunia dan di akhirat. Tiadalah berubah-ubah kalimat (janji-janji) Allah itu. Demikian itulah suatu kemenangan yang besar.

(Yūnus: 61-64).

* * *

Turutlah apa-apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, dan janganlah kamu turuti ketua-ketua yang selain daripadanya (Allah).

(Al-A'rāf: 2¹)

* * *

Sesungguhnya (al-Qur'ān) ini ialah Jalan-Ku yang lurus. Lantaran itu hendaklah kamu turut (ajaran-ajarannya) dan janganlah kamu turut beberapa jalan-jalan (yang lain), lantaran jalan-jalan itu akan memisahkan kamu daripada jalan Allah. Demikian itulah Allah berpesan kepada kamu mudah-mudahan kamu (dari golongan-golongan orang-orang takut (berbakti kepada Allah).

(Al-An'am: 153).

Al-Hadīth

Walaupun yang dijadikan ketua atas kamu itu seorang hamba abdi, yang sanggup memimpin kamu dengan pengajaran kitab Allah (al-Qur'ān), maka hendaklah kamu dengar dan taat kepadanya.

(Muslim).

* * *

Tiadakah mereka mahu bertanya waktu mereka tidak tahu? Kerana sesungguhnya ubat kebodohan itu ialah bertanya.

(Abū Dāwūd).

* * *

Barangsiapa di antara kamu yang hidup, maka ia akan melihat banyak perselisihan (berlaku), lantaran itu, hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku (jalanku) dan sunnah-sunnah para khalifah yang bijaksana lagi terpimpin.

(Abū Dawūd).

* * *

Barangsiapa memberi sesuatu fatwa dengan tidak beralasan (dengan al-Qur'ān dan al-hadīth), maka dosanya itu atas orang-orang yang memberi fatwa.

(Abū Dawūd).

* * *

Akan beramal umat ini pada suatu masa dengan kitab Allah (al-Qur'ān) dan pada suatu masa (yang lain) dengan sunnah Rasulullah (al-hadīth), kemudian mereka akan beramal dengan fikiran (mereka sendiri). Maka apabila mereka berbuat demikian, sesungguhnya sesatlah mereka.

(Ibnu 'Abd al-Bar).

Hukama'

Apakah lantaran musuh banyak sedang tenagamu agak kurang, maka dibiarkan sahaja perompak-perompak itu melakukan sesuatu di atas dirimu dengan sewenang-wenangnya.

(Abū Bakar al-Ṣidīq).

* * *

Aku tidak takut menghadapi Mukmin yang kentara imannya, begitu pula aku tidak gentar menghadapi seorang derhaka yang jelas kekufurannya tetapi yang sangat aku takuti ialah berhadapan dengan seorang munafik (bermuka dua), pada zahirnya ia sebagai seorang yang beriman, sedang perbuatannya lain dari yang demikian itu.

(Umar bin al-Khaṭāb).

* * *

Jauhkanlah diri kamu daripada sikap berlebih-lebihan, tetapi bersikap sederhana di dalam hidup. Sebaik-baik sikap ialah ingat kepada apa akan ditempuhi pada hari esok.

(Alī bin Abī Ṭālib).

* * *

Sesungguhnya aku ini hanya seorang manusia biasa yang boleh jadi salah dan boleh jadi benar. Lantaran itu perhatikanlah pendapatku (di dalam sesuatu hukum yang difatwakan). Tiap-tiap yang tidak menyalahi kitab Allah dan sunnah (Rasul) ambillah! Dan dan tiap-tiap yang menyalahi kitab Allah dan sunnah (Rasul) tinggalkanlah!

(Imām Mālik).

¹ Sebenarnya adalah ayat 3.